

## Soalan Lazim

### Pelesenan

#### 1. Bagaimana hendak memohon lesen MPOB?

Permohonan lesen MPOB hendaklah dibuat atas talian di laman MyLesen MPOB. Pilih pelayar-pelayar utama (terkini) yang serasi dengan piawaian HTML 5 contohnya Google Chrome.

Taip URL <http://e-lesen.mpob.gov.my> (untuk kategori utama) atau <http://e-lesenpk.mpob.gov.my> (untuk kategori Kebun Kecil).

##### Bagi permohonan lesen Kebun Kecil

Setelah mengisi borang atas talian, dokumen berkaitan permohonan seperti salinan kad pengenalan dan salinan geran hendaklah diserahkan secara pos atau di kaunter pelesenan berhampiran.

##### Bagi permohonan Kategori Utama

Rujuk 'Panduan Pelesenan' yang terdapat di Sistem MyLesen MPOB bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung kriteria permohonan lesen.

#### 2. Apakah peluang-peluang perniagaan yang boleh saya ceburi dalam industri sawit ini?

Terdapat 4 sektor utama iaitu perladangan, perniagaan, perkhidmatan dan pengilangan. Anda boleh pilih mengikut kesesuaian syarikat anda.

Sila rujuk Panduan dan Kriteria Permohonan Lesen yang terdapat di laman MyLesen MPOB untuk mendapatkan senarai aktiviti dan keluaran sawit yang terperinci.

#### 3. Berapakah tempoh masa untuk mendapatkan lesen MPOB?

Sekiranya permohonan yang diterima lengkap, proses permohonan lesen baru untuk semua kategori mengambil masa 30 hari bekerja kecuali kategori kilang

buah kelapa sawit/ tambahdaya 90 hari bekerja dan estet/ pekebun kecil 5 hari bekerja.

**4. Berapakah jumlah bayaran atau fi lesen yang dikenakan?**

Fi setiap aktiviti dan setiap klasifikasi keluaran kelapa sawit ialah RM100; kecuali

- i. Fi pekebun kecil adalah percuma.
- ii. Fi mengilang buah kelapa sawit adalah RM500 setahun.
- iii. Fi membina kilang buah kelapa sawit adalah RM500 setahun.

**5. Bagaimana sekiranya permohonan lesen ditolak?**

Pemohon boleh mengemukakan rayuan melalui sistem MyLesen MPOB dalam tempoh 30 hari daripada tarikh notis tolak.